

Kes denggi di Kelantan naik mendadak

KOTA BHARU - Wabak demam denggi di Kelantan naik mendadak setakat ini tahun ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Wan Mansor Wan Hamzah berkata, keadaan ini adalah membimbangkan.

"Sehingga 24 Julai lalu, 1,707 kes demam denggi dilaporkan dikesan di seluruh negeri yang membabitkan lima kematian, berbanding 1,031 kes dan satu kematian dalam tempoh yang sama tahun lalu," katanya pada majlis Jom Ganyang Aedes bagi peringkat Daerah Kota Bharu semalam.

Menurutnya, tiga daripada lima kes kematian itu berlaku di Pasir Mas dan dua lagi di Kota Bharu.

"Fenomena peningkatan kes ini agak membimbangkan dan usaha-usaha sedang dijalankan bagi mencegah wabaknya daripada terus merebak.

Beliau kecewa dengan sikap masyarakat yang tidak prihatin untuk membasmi penyakit berkenaan.

"Misalnya daripada kira-kira 200 orang yang menyertai gerakan gotong royong membasmi denggi hari ini (semalam), bilangan penduduk tempatan yang menyertainya boleh dibilang dengan jari," katanya.